# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
# PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENERBIT RANCANGAN)

JABATAN PENDAFTAR
Department of Registrar
إدارة المسجل العام

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | Penolong Pegawai Tadbir (Penerbit Rancangan) |
| **Badan Berkanun** | : | Universiti Sains Islam Malaysia |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Pentadbiran dan Sokongan |
| **Jadual Gaji** | : | (lihat jadual di bawah) |

| Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|---|
| N29 | RM 1,499.00 | RM 5,679.00 | RM 145.00 |

**Syarat Lantikan** :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   a. warganegara Malaysia;

   b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   c.

   (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

   (Gaji permulaan pada mata gaji minimum: RM1,499.00); atau

   (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan pada mata gaji minimum: RM1,499.00); atau

   (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan pada mata gaji minimum: RM1,499.00); atau

| | | |
|---|---|---|
| | | (iv) diploma dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan pada mata gaji minimum: RM1,777.78). |
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Syarat Ujian Khas** | : | Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan. |
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Penerbit Rancangan) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| **Fungsi Bidang Tugas** | : | Bertanggungjawab menerbit video dan multimedia USIM, membantu menyediakan skrip dan papan cerita yang bersesuaian, membuat kerja-kerja suntingan off-line dan on-line, mengendalikan peralatan rakaman video (kamera, audio, lampu dan lain-lain), membuat rakaman dokumentasi, liputan berita, promosi, studio kreatif dan lain-lain yang berkaitan, menyediakan video multimedia interaktif (termasuk suntingan visual efek; teks, audio, video, grafik dan animasi), menyediakan rakaman audio video bagi projek Podcast USIM, mengurus dan mengendalikan krew, peralatan dan teknikal dalam produksi penerbitan MCP (Multi-Camera Production), mengurus dan mengendalikan proses teknologi dan siaran langsung video (Live Streaming) di pelbagai platform media sosial rasmi USIMTV, mempunyai kemahiran dalam penggunaan perisian suntingan video seperti Adobe Premier, After Effect, Illustration, Photoshop dan lain-lain teknologi terkini yang bersesuaian dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **16 Februari 2023** |